

MODUL 13 - PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN

1. Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Aziz dan Azizah.

Modal Aziz pada 1 Januari 2007 ialah RM14 000. Pada 1 Julai 2007, Aziz membawa masuk modal tambahan sebanyak RM3 000. Faedah atas modal adalah 4% setahun. Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah faedah atas modal Aziz?

- A RM120
- B RM560
- C RM620
- D RM680

SPM 2008

2. Petikan Akaun Realisasi berikut diperolehi semasa pembubaran Perkongsian Nora dan Suri.

Akaun Realisasi		
	2007	RM
	Jan. 31	
	Akaun Belum Bayar	300
	(Diskaun diterima)	

Apakah yang dimaksudkan dengan catatan pada 31 Januari?

- A Baki Akaun Belum Bayar yang belum dijelaskan semasa pembubaran
- B Menerima diskaun daripada Akaun Belum Bayar kerana menjelaskan hutang semasa pembubaran
- C Jumlah bayaran kepada Akaun Belum Bayar semasa pembubaran selepas menolak diskaun tunai
- D Jumlah bayaran yang dibuat kepada Akaun Belum Bayar semasa pembubaran sebelum menolak diskaun diterima

SPM 2008

3. Akaun manakah yang tidak akan dipindahkan ke Akaun Realisasi?

- A Akaun Inventori
- B Akaun Bank
- C Akaun Perabot
- D Akaun Belum Terima

SPM 2010

4. Butiran manakah yang terdapat dalam akaun semasa perkongsi?

- I Modal
- II Gaji pekerja
- III Faedah atas modal
- IV Faedah atas ambilan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2010

5. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Mulia.

	RM
Modal Murni	30 000
Modal Alin	40 000
Faedah atas modal	5% setahun
Alin membawa masuk modal tambahan pada 1 Oktober 2009 sebanyak RM2 000.	

Berapakah jumlah faedah atas modal Alin bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2009?

- A RM350
- B RM525
- C RM2 025
- D RM2 100

SPM 2010

6. Apakah butiran yang **tidak** dimasukkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A Faedah atas pinjaman
- B Faedah atas ambilan
- C Faedah atas modal
- D Gaji pekongsi

SPM 2011

7. Akaun Realisasi berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Akaun Realisasi	
	RM
Bank	1 000

Urus niaga manakah yang merujuk kepada catatan tersebut?

- A Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar
- B Perolehan daripada penjualan perabot
- C Penerimaan diskaun kerana menjelaskan hutang
- D Pembayaran belanja realisasi

SPM 2011

8. Apakah butiran yang direkodkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A Ambilan
- B Gaji belum bayar
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas pinjaman

SPM 2012

9. Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	45 000
Jumlah liabiliti	8 400

Dalam proses pembubaran, semua aset dijual sebanyak RM42 000. Belanja realisasi RM850 manakala liabiliti dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM2 150
- B RM3 850
- C RM4 550
- D RM5 400

SPM 2011

10. Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?

A Ikatan Perkongsian
 B Perjanjian Perkongsian
 C Akta Perkongsian 1961
 D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

SPM 2012

11. Butiran manakah yang **tidak** terdapat dalam akaun semasa pekongsi?

A Modal
 B Ambilan
 C Faedah atas modal
 D Faedah atas ambilan

SPM 2012

12. Yahya dan Musa merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Muafakat. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan mereka pada 31 Disember 2011.

	RM
Gaji tahunan Yahya	8 000
Gaji belum dibayar kepada Yahya	5 000

Berapakah gaji yang direkod dalam Akaun Semasa Yahya?

A RM3 000
 B RM5 000
 C RM8000
 D RM13 000

SPM 2012

13. Butir manakah yang dicatat di bahagian Ekuiti Pemilik Penyata Kedudukan Kewangan sebuah perniagaan perkongsian?

A Untung bersih
 B Modal tambahan
 C Pinjaman pekongsi
 D Akaun Semasa pekongsi

SPM 2013

14. Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Two Ah yang dimiliki oleh Ahmad dan Ah Seng.

	RM
Untung bersih	15 800
Faedah atas modal	1 200
Faedah atas ambilan	2 300
Untung dibahagi sama rata	

Berapakah kongsi untung bagi setiap pekongsi?

A RM6 150
 B RM7 350
 C RM8 450
 D RM9 650

SPM 2013

15. Apakah kesan terhadap perniagaan jika salah seorang rakan kongsi meninggal dunia?

- A Perlu dibubarkan
- B Boleh diambil alih oleh waris si mati
- C Boleh diteruskan oleh rakan kongsi yang sedia ada
- D Perlu menukar milikan perniagaan kepada milikan tunggal

SPM 2013

16. Butir manakah yang direkod di sebelah kredit Akaun Semasa pekongsi?

- I Faedah atas ambilan
- II Faedah atas modal
- III Gaji pekongsi
- IV Kongsi rugi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2013

17. Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri sebuah milikan perkongsian?

- A Hayat perniagaan tamat apabila salah seorang pekongsi meninggal dunia
- B Bilangan ahli maksimum 20 orang bagi semua jenis perkongsian
- C Keuntungan diagihkan kepada pekongsi dalam bentuk dividen
- D Cukai dikenakan ke atas pendapatan perniagaan

SPM 2014

18. Kenderaan diambil alih oleh pekongsi semasa pembubaran.
Apakah akaun yang terlibat kesan daripada urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Akaun Kenderaan	Akaun Realisasi
B	Akaun Realisasi	Akaun Kenderaan
C	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
D	Akaun Realisasi	Akaun Modal Pekongsi

SPM 2014

19. Perkongsian Tania dan Rania memberikan maklumat berikut pada 30 September 2014.

	Tania RM
Pengasingan untung rugi (Kongsi untung)	8 000
Ambilan	1 500
Faedah atas modal	4 000

Berapakah baki akhir Akaun Semasa Tania?

- A RM2 500
- B RM5 500
- C RM10 500
- D RM13 500

SPM 2014

20. Jadual berikut menunjukkan ambilan yang dilakukan oleh rakan kongsi Perkongsian ADNI yang berkongsi untung atau rugi secara sama rata.

Nama	Tarikh Ambilan	
	1 April 2013	1 Julai 2013
	RM	RM
Adnan	1000	300
Sani	1800	-
Maklumat tambahan: Faedah atas ambilan 10 % setahun Tempoh perakaunan 1 Januari - 31 Disember		

Berapakah faedah atas ambilan setiap rakan kongsi?

	Adnan	Sani
	RM	RM
A	180	130
B	130	180
C	90	135
D	135	90

SPM 2014

21. Akaun apakah yang disediakan untuk menunjukkan pembahagian untung atau rugi bagi setiap pekongsi?

- A Akaun Modal
- B Akaun Semasa
- C Akaun Untung Rugi
- D Akaun Pengasingan Untung Rugi

SPM 2017

22. Pernyataan manakah yang menyebabkan akaun modal berbaki debit pada tarikh pembubaran?

- I Ambilan yang banyak
- II Sumbangan modal yang besar
- III Nilai aset yang diambil alih rendah
- IV Rugi realisasi melebihi jumlah modal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2014

23. Ruangan Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan perkongsian mencatatkan

- I ambilan rakan kongsi
- II keuntungan rakan kongsi
- III akaun modal rakan kongsi
- IV akaun semasa rakan kongsi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2012

24. Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Cerdik.

Akaun Semasa Muaz			
	RM		RM
P	XX	Baki b/b	XX
Baki h/b	XX	Q	XX

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Faedah atas ambilan	Ambilan
B	Kongsi untung	Faedah atas ambilan
C	Ambilan	Gaji
D	Gaji	Kongsi untung

SPM 2015

25. Maklumat berikut diperolehi daripada perkongsian Kumari dan Samsuru pada 31 Disember 2014 yang berkongsi untung dan rugi sama rata.

	RM
Untung bersih	8 500
Faedah atas ambilan	80
Gaji Samsuru	2 400
Maklumat tambahan:	
Gaji yang telah dibayar kepada Samsuru sebanyak RM700.	

Berapakah kongsi untung setiap perkongsi?

- A** RM1 540
- B** RM2 260
- C** RM2 740
- D** RM3 090

SPM 2015

26. Tempoh perakaunan Perkongsian Kamal dan Karim berakhir pada 30 Jun setiap tahun. Maklumat berikut menunjukkan ambilan yang dibuat oleh Kamal.

Tarikh	Jumlah
	RM
1 Oktober 2014	2 000
1 April 2015	4 000

Berapakah faedah atas ambilan bagi Kamal apabila kadar faedah atas ambilan ialah 5% setahun?

- A** RM100
- B** RM125
- C** RM175
- D** RM300

SPM 2015

27. Perkongsian Jujur dan Amanah telah dibubarkan. Jumlah aset RM62 000 telah direalis sebanyak RM60 000. Belanja realisasi RM1 000 dan liabiliti perkongsian RM2 600.

Berapakah rugi realisasi?

- A** RM2 000
- B** RM3 000
- C** RM3 600
- D** RM4 600

SPM 2017

28. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada Perkongsian ZURI sewaktu pembubaran perniagaan.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2014		
	<u>Liabiliti Semasa</u>	RM
	Akaun Belum Bayar	6 400
Maklumat tambahan: Perkongsian ZURI telah menerima diskaun sebanyak RM400 setelah membuat pembayaran penuh kepada Akaun Belum Bayar.		

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Realisasi?

A	Akaun Realisasi	
	Akaun Belum Bayar	RM 6 800
B	Akaun Realisasi	
	Akaun Belum Bayar	RM 6 400
C	Akaun Realisasi	
	Akaun Belum Bayar	RM 6 000
D	Akaun Realisasi	
	Akaun Belum Bayar	RM 400

SPM 2015

29. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	45 000
Jumlah liabiliti	8 400

Semasa pembubaran, semua aset dijual pada harga RM42 000. Belanja realisasi RM850 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah rugi realisasi?

- A** RM2 150
- B** RM3 850
- C** RM4 550
- D** RM5 400

SPM 2015

30. Perniagaan perkongsian tertakluk kepada Akta Perkongsian 1961.

Pernyataan manakah yang **tidak** terdapat dalam akta tersebut?

- A** Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
- B** Pekongsi tidak dibenarkan membuat ambilan
- C** Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pekongsi
- D** Pekongsi yang menguruskan perniagaan tidak berhak menerima gaji

SPM 2019

31. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Amin dan Rahman pada 31 Disember 2015.

Ikatan Perkongsian menetapkan gaji Amin RM8 000 setahun. Pada 1 Julai 2015, perkongsian telah membayar gaji Amin RM5 000 secara tunai.

Manakah catatan yang betul dalam Akaun Semasa Amin?

A	Akaun Semasa Amin	
	Gaji	RM 5 000
B	Akaun Semasa Amin	
	Tunai	RM 5 000
C	Akaun Semasa Amin	
	Tunai	RM 3 000
D	Akaun Semasa Amin	
	Gaji	RM 3 000

SPM 2016

32. Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Setiajaya.

	RM
Jumlah aset (kecuali bank)	58 320
Jumlah liabiliti	3 440
Belanja realisasi	800
Semasa proses realisasi, semua aset direalis sebanyak RM51 500	

Berapakah jumlah rugi realisasi ?

- A** RM3 380
B RM6 020
C RM7 620
D RM10 260

SPM 2016

33. Butiran manakah yang akan dicatatkan di bahagian ekuiti pemilik di Penyata Kedudukan Kewangan bagi perkongsian?

- I Akaun Modal
 II Akaun Semasa
 III Akaun Ambilan
 IV Untung Bersih
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SPM 2017

34. Berikut ialah catatan jurnal untuk merekod pembubaran perkongsian.

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2017 Mei 31	Akaun Realisasi Akaun Bank (X)	RM 1 200	RM 1 200

Apakah X?

- A Membayar kos pembubaran
- B Membayar pinjaman perkongsian
- C Menjelaskan hutang kepada Akaun Belum Bayar
- D Menerima pembayaran daripada Akaun Belum Terima

SPM 2017

35. Mengapakah sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan?

- I Salah seorang pekongsi meninggal dunia
 - II Perniagaan perkongsian mendapat kerugian
 - III Seorang pekongsi lewat menjelaskan pinjaman peribadinya
 - IV Perniagaan perkongsian ditukarkan kepada syarikat berhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2017

36. Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Nanu dan Lia pada 31 Disember 2018.

	RM
Faedah atas modal Nanu	1 000
Faedah atas modal Lia	2 000
Untung bersih	8 000

Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut:

- (i) Gaji pekongsi Lia RM1 000
- (ii) Kongsi untung atau rugi dibahagi sama rata

Berapakah untung yang diterima oleh pekongsi Lia?

- A RM4 000
- B RM3 500
- C RM2 500
- D RM2 000

SPM 2019

37. Butir manakah akan direkodkan dalam Penyata Pengasingan Untung Rugi?

- A Gaji
- B Ambilan
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas pinjaman

SPM 2019